



**PENEROKAAN ASPEK PERANCANGAN GURU CEMERLANG BAHASA MELAYU DALAM
PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN KOMSAS**

***(Exploring the Design Aspect of Malay Language Excellent Teacher in Teaching and Learning Literature
Component)***

Mohd Rohiman Subri^{1*}, Muhammad Zuhair Zainal¹, Azlinda Boheran Nudin²

¹Pusat Pengajian Ilmu Pendidikan, Universiti Sains Malaysia, 11800 Georgetown, Malaysia

²Fakulti Komunikasi & Industri Kreatif, Universiti Pengurusan dan Teknologi Tunku Abdul Rahman, Cawangan Perak, 31900 Kampar, Malaysia

*Corresponding Author Email: rohiman547@gmail.com

Received: 01 December 2023 • Accepted: 3 April 2024 • Published: 30 April 2024

Abstract

This article focuses on the planning aspects of Excellent Malay Language Teachers (GCBMs) in the Teaching and Learning (TnL) of literary components (Komsas) in line with the requirements of the Malay Language Curriculum. GCBMs are expert teachers who play a crucial role in implementing Komsas teaching according to the requirements of KPM, which serves as a resource for teaching skills and aspects of the Malay Language subject. The objective of this qualitative study with a phenomenological approach is to explore the planning aspects of GCBMs in Komsas TnL. Data was collected through in-depth interviews with seven GCBMs in Malaysia. The study identifies four key planning aspects: Initial Komsas TnL planning, planning of Komsas teaching activities, planning of Komsas teaching aids, and planning of Komsas teaching assessment. The findings suggest that these planning aspects contribute to implementing Komsas TnL effectively as desired in the Malay Language curriculum. Future research should consider diversifying research methods and expanding the categories of study participants. Overall, the planning aspects of GCBMs in Komsas TnL are essential for ensuring effective Komsas teaching.

Keywords: *Excellent Malay language Teachers; Malay language; TnL planning; Literary components*

Abstrak

Aspek perancangan PdP Guru cemerlang sewajarnya diteliti dengan terperinci untuk memastikan keberkesanan dalam penyampaian kandungan pembelajaran karya sastera. Perkara sedemikian penting kerana mereka merupakan contoh kepada guru lain dalam memastikan pengajaran ini mengikut kehendak

Kementerian Pendidikan Malaysia iaitu membantu mengembangkan potensi murid dalam menguasai kemahiran bahasa serta aspek dalam objektif mata pelajaran Bahasa Melayu. Matlamat penting penerokaan ini memberi adalah untuk meneroka aspek perancangan dalam memastikan pengajaran karya sastera berjaya mencapai matlamat. Reka bentuk kajian ini mengaplikasikan kaedah kualitatif menerusi pendekatan fenomenologi. Kajian ini menggunakan data temu bual secara mendalam terhadap tujuh informan kajian yang terdiri daripada Guru Cemerlang Bahasa Melayu di negara Malaysia. Dapatan keseluruhan berkaitan aspek perancangam kajian diperoleh daripada informan kajian dalam PdP komsas berteraskan perancangan (i) asas karya sastera; (ii) aktiviti pengajaran karya sastera; (iii) bahan bantu pengajaran karya sastera dan (iv) pentaksiran pengajaran karya sastera. Sarjana akan datang dicadangkan untuk mempelbagaikan lagi sumber data dari segi pemerhatian dan analisis dokumen. Kesimpulannya, aspek perancangan yang diperoleh daripada informan kajian dalam melaksanakan pengajaran karya sastera amat bersesuaian untuk dipraktikkan untuk menarik minat murid bagi mempelajari karya sastera.

Kata Kunci: Guru Cemerlang; Bahasa Melayu; Perancangan PdP; DSKP; Komsas

Cite as: Subri, M.R., Zainal, M.Z., & Nudin, A.B. (2024). Exploring the Design Aspect of Malay Language Excellent Teacher in Teaching and Learning Literature Component. *Asian People Journal*, 7(1), 99-111.

PENGENALAN

Faktor utama dalam mengamalkan Standard Kualiti Pendidikan Malaysia Gelombang 2 (SKPMg2) ialah GC seharusnya bertindak sebagai perancang dalam memastikan kejayaan dalam sesebuah pengajaran dan pemudahcaraan (PdPc) demi menarik minat murid. Perkara ini penting untuk memastikan guru dapat mencapai matlamat yang dihasrat menerusi perkembangan kemahiran bahasa murid. Penyediaan Rancangan Pengajaran Harian (RPH) seharusnya mengikut spesifikasi yang ditetapkan oleh KPM di samping menentukan kaedah pentaksiran yang bersesuaian dalam melaksanakan PdP. Selain itu, mereka bertindak sebagai sumber pendidikan terhadap murid dengan penguasaan pengetahuan terhadap kandungan mata pelajaran dan menetapkan ruang atau tempat pembelajaran yang spesifik mengikut kemampuan dan aras murid malah mereka perlu mempelbagaikan alat bantu mengajar dalam membina aktiviti berpusatkan murid (Lambri & Mahamod, 2019). Mereka juga harus merancang mengikut penetapan masa yang ditetapkan oleh KPM dalam pelaksanaan PdP. Malah menurut Esah (2004), penyampaian isi kandungan sewajarnya diberi perhatian oleh guru dengan melakukan perancangan yang teliti sebelum melaksanakan sesi pengajaran dan pemudahcaraan.

Baru-baru ini, telah muncul kebimbangan mengenai kekurangan keberkesanan dalam pengajaran GCBM dan ketidakselarasan dengan standard seorang GC dalam penyampaian kandungan pelajaran. Kajian lepas menunjukkan bahawa pengajaran GC yang dikaji masih berpaksikan kepada kaedah tradisional (Jasmi, 2010; Said & Jamian, 2012; Ariffin, 2013; Chong, 2018). Ciri persamaam ini perlu ada dalam pengajaran Bahasa Melayu yang masih terpusat kepada guru dan perlu beralih kepada pendekatan yang berpaksikan murid (Isa & Mahamod, 2021). Tambahan pula dalam konteks pendidikan negara yang kini menekankan peranan keaktifan murid sebagai seorang pembelajar (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2017a) serta pengaplikasian pendekatan Pembelajaran Abad Ke-21. Kementerian Pendidikan Malaysia (2018), menggariskan bahawa tindakan yang signifikan bagi guru Bahasa Melayu untuk memotivasi dan melibatkan murid secara aktif dalam proses pembelajaran demi mencapai objektif pendidikan yang ditetapkan. Selain itu, penelitian tentang pelaksanaan pengajaran GC masih belum mencukupi

dalam konteks PdP di negara kita untuk menjadi garis panduan dalam mengembangkan potensi murid. Harun & Hamid, 2014; Chong, (2018) berpendapat sejak tahun 1994, istilah GC telah diperkenalkan tetapi masih terdapat jurang dalam kajian yang berkaitan dengan PdPc mereka hingga saat ini. Chong et al., (2017) kajian mengenai PdPc Guru Cemerlang Bahasa Melayu juga masih jarang dilakukan oleh para peneliti, baik dari sudut pemerhatian berkaitan amalan pembelajaran ilmu mahupun kecekapan mereka yang dianggap signifikan untuk membangunkan kerangka PdPc Bahasa Melayu. Penyampaian kandungan pelajaran ini menjadi faktor kritikal dalam membentuk sebuah PdP yang mampu menarik minat murid untuk mencapai tujuan pembelajaran Bahasa Melayu. Kejayaan dalam sesebuah perancangan PdPc sangat bergantung pada kecekapan guru dalam membangunkan sumber daya manusia yang unggul dan intelek (Chong, 2018). Ketidakupayaan mereka dalam menerapkan pendekatan, metode, dan teknik yang kreatif telah menyebabkan murid tidak meminati PdPc Komsas.

KPM, (2017a); Jamian, (2023) berpendapat cara penyampaian karya Komsas telah berubah mengikut perkembangan arus dan masa malah telah menjadi cabaran baharu bagi para guru kerana kurangnya penguasaan terhadap pengetahuan kesusasteraan dan pengalaman dalam menganalisis bahan sastera. Selain itu, guru perlu kompeten dalam menganalisis karya Komsas tanpa memiliki panduan yang signifikan untuk memastikan kejayaan dalam penyampaian isi kandungan yang terdapat dalam sesebuah karya. Perkkara menjadi bertambah buruk apabila terdapat segelitir meraka tidak meminati pengajaran Komsas kerana mereka tidak memiliki kepakaran yang khusus. Ettikan et al. (2015) telah menekankan perlunya penelitian tentang kecekapan guru cemerlang dalam sesebuah pengajaran kerana pemilihan GC tidak selalu didasarkan pada opsyen, melainkan pengalaman mengajar subjek pengkhususan selama tiga tahun terakhir mereka. Oleh sebab itu, penelitian ini akan mengeksplorasi aspek perancangan PdPc karya Komsas dalam mata pelajaran Bahasa Melayu. Aspek ini perlu diteliti untuk memastikan bahawa sesi PdPc tersebut sesuai dengan matlamat penyampaian kandungan kurikulum terhadap murid dalam mata pelajaran bahasa Melayu.

METODOLOGI KAJIAN

Reka bentuk kaedah kualitatif dengan melibatkan pendekatan fenomenologi diaplikasikan untuk menjawab persoalan kajian yang difokuskan menerusi penelitian ini. Kajian ini bersifat eksploratori dengan menggunakan kaedah kualitatif untuk pengumpulan data kajian. Data yang terintegrasi adalah penting dalam pembinaan pernyataan dan penjelasan berkaitan fokus kajian, iaitu berdasarkan aspek perancangan informan kajian yang dipilih dalam melaksanakan PdPc yang melibatkan karya Komsas.

Eksplorasi secara mendalam mengenai aspek perancangan informan kajian yang terdiri daripada Guru Cemerlang Bahasa Melayu telah dilakukan terhadap tujuh informan kajian yang ditemu bual untuk memberikan data dalam kajian ini. Mereka merupakan individu yang terlibat secara langsung dalam pengajaran kemahiran bahasa dengan menggunakan bahan karya sastera Komsas. Pengumpulan data secara deskriptif menerusi analisis tematik dengan informan kajian berupaya membantu pengkaji membina pengertian secara terperinci tentang sesuatu aspek dalam sesebuah perancangan yang dilakukan (Bogdan & Biklen (1998).

Kriteria pemilihan informan kajian ialah terdiri daripada mereka yang dilantik oleh Bahagian Sumber Manusia KPM (BPSM KPM) dengan berlatar belakangkan pelbagai gred serta berpengalaman dalam bidang kesusasteraan. Pengkaji telah mentranskripsi data dengan berbantuan perisian NVivo 12 untuk memastikan data dapat disaring dengan sistematik dan berkesan. Selain itu, pengkaji juga mematuhi proses penganalisan data yang melibatkan beberapa langkah berikut seperti pengurangan data, paparan data, dan membuat rumusan serta

pengesahan data (Miles & Huberman, 1994). Tema terbentuk menerusi langkah berikut dengan menetapkan kod menerusi unit, kod dan rakaman yang diperoleh oleh pengkaji ketika bertemu dengan informan kajian (Creswell, 2013). Kesemua langkah ini dipatuhi oleh pengkaji untuk memastikan data ditadbir dengan sistematik dan berkesan selaras dengan pandangan dan pendapat sarjana.


HASIL DAN PERBINCANGAN

GCBM sebagai Perancang tentang PdP Komsas

Sebelum melaksanakan PdPc, guru perlu menguasai aspek penting sebagai perancang yang terbaik dalam sesebuah pengajaran. Hal ini merupakan kunci untuk guru mewujudkan PdPc Komsas dengan efektif dan sistematik demi mencapai matlamat yang digariskan. Peneliti telah mendapati tema dan sub-tema melalui temu bual secara mendalam dengan informan kajian mengenai praktik dalam pengajaran mereka seperti berikut:

Asas dalam sesebuah perancangan

Tema utama yang dikenal pasti dalam menjayakan perancangan ialah perancangan asas yang perlu dipenuhi oleh guru. Dalam perancangan ini, guru seharusnya merancang tema yang dipilih berdasarkan buku teks, penetapan SK dan SP yang terdapat dalam DSKP dan penetapan objektif yang jelas serta mampu diukur terhadap keupayaan murid. Oleh itu, dapatan kajian dapat diterjemahkan menerusi Rajah 1.



Rajah 1: Asas sesebuah perancangan dalam PdPc

Respons yang diperoleh dapat diterangkan menerusi petikan verbatim di bawah. Penyelidik mendapati terdapat ketujuh-tujuh informan kajian berpendapat asas sesebuah perancangan dalam PdPC Komsas memerlukan ketetapan tema pengajaran terlebih dahulu. Perkara ini dapat diterangkan menerusi verbatim berikut:

PK1: Perancangan asas komsas ini perlu secara menyeluruh lah, mula **kita fokuskan kepada tema yang ingin diajar**, contoh mahu ajar tema pertanian kan, jadi kita boleh ambil cerpen Kaduk Ayam dan Raja sebab isi kandungannya itu memang berkaitan dengan pertanian (PK1/APA/502-505).

PK2: Perancangan asas komsas perlu kita fokuskan kepada apa tema yang perlu kita ajar. Untuk KSSM **kita lebih fokuskan kepada tema** KSSM diikuti dengan apa yang nak kita ajar contoh tema keluarga kita boleh fokus dengan sajak Erti Hidup Bererti kan (PK2/APA/452-454).

PK5: *...dalam perancangan asas ini perlu **dari segi tema** yang perlu kita tekankan dalam Bahasa Melayu. Tema sangat menyeluruh ada macam-macam tema, kita boleh rujuk DSKPBM, kalau hari ini kita nak ajar sains perubatan kita boleh sesuaikan dengan cerpen Gerhana Manusia. Wah cantik tu cerpen tu untuk kita sesuaikan dengan murid dan tema sains perubatan (PK5/APA/430-433)*

Selain itu, empat daripada tujuh orang PK iaitu PK3, PK4, PK5 dan PK7 berpendapat bahawa asas dalam perancangan memerlukan penekanan SK (standard kandungan) dan SP (standard pembelajaran) demi selaras dengan kandungan yang terdapat dalam karya sastera. Perkara ini dapat diterangkan menerusi verbatim berikut:

PK3: *...**kita akan tentukan berdasarkan SP dan SK** dalam DSKP contoh saya nak fokuskan kepada kemahiran menulis jadi saya boleh ambil mana-mana cerpen sebagai bahan pengajaran saya (PK3/APA/463-465).*

PK5: *bila buat perancangan awal kan saya akan lihat **fokus saya kepada standard kandungan** untuk pastikan penekanan terhadap pengajaran kemahiran selaras dengan kehendak DSKP juga, macam saya nak ajar kemahiran menulis jadi saya kena lihat apa penekanannya kan terhadap kemahiran tersebut dalam SK. Ini era KSSM jadi kita kena selaras dengan KSSM bukan KBSM lagi(PK5/APA442-445/).*

Di samping itu, ketujuh-tujuh orang PK iaitu PK1, PK2, PK3, PK4, PK5, PK6 dan PK7 berpendapat bahawa asas sesebuah perancangan juga perlu menekankan kepada OP (objektif pengajaran). Perkara ini akan menjadi matlamat penting untuk menentukan kejayaan terhadap keseluruhan PdPc yang dibina. Perkara ini dapat diterangkan menerusi verbatim berikut:

PK2: *...**kita akan tentukan apakah objektif yang perlu kita ajar** murid? Objektif ni yang tentukan kejayaan atau gagalanya kita dalam merancang, jadi mesti objektif yang mampu diukur yer cikgu, dengan kata kerjanya ikut kemampuan murid kita(PK2/APA/463-465).*


PK4: ***Penentuan objektif perlu mengikut aras pelajar lah** dan mesti mengikut aras dalam Taxsonomi Bloom. Pelajar pandai mungkin tahapnya mencipta lahh, sederhana mungkin mengaplikasi lah jadi kita lihat keupayaan pelajar, ini perancangan awal lah (PK4/APA/462-463).*

PK6: *... bina ayat objektif mesti ada komponen ini kata kerjanya sasarannya baru lengkap contoh Murid dapat mencipta 2 rangkap pantun berdasarkan tema pertanian. Jadi **objektif mesti ditentukan dengan baik** supaya jelas sebagai perancangan asas kita (PK6/APA/472-475).*

Secara rumusan dapat disimpulkan bahawa amalan pengajaran Komsas PK berkaitan asas sesebuah perancangan haruslah menekankan kepada aspek berikut untuk memastikan kejayaan dalam pelaksanaan pengajaran yang melibatkan karya sastera.

Perancangan Aktiviti Melibatkan Karya Sastera

Aspek perancangan berikutnya perlu memberi tumpuan terhadap aktiviti yang melibatkan karya sastera. Tema terbentuk ialah perancangan aktiviti karya sastera dengan melibatkan informan berikut dan dapat dipaparkan seperti dalam Rajah 2.



Rajah 2: Perancangan aktiviti melibatkan karya sastra

Enam informan kajian berikut telah melaksanakan perancangan aktiviti melibatkan karya sastra. Tumpuan mereka ialah melibatkan aktiviti menerusi pembelajaran abad 21 dengan memastikan murid berkerjasama antara satu sama lain. Perkara ini dapat diterangkan menerusi verbatim berikut:

PK1: *aktiviti PAK-21 perlu kita manfaatkan sebaiknya, barulah kita boleh buat kepada pelajar...secara sumatif, secara kemahiran dan sebagainya. Kalau kita tidak melaksanakan perancangan pengajaran dengan teliti, mana mungkin kita dapatkan sampai bahan pengajaran dengan berkesan kan. Saya lebih tertarik dengan merancang aktiviti PAK-21 macam kerusi panas, gallery walk, one stay three stay, deklamasi puisi untuk kita terapkan(PK1/APAKI/518-520).*

PK5: *kita rancang dan harus libatkan aktiviti yang menarik seperti dalam PAK21 kita bertindak sebagai fasilitator, penyesuaian aktiviti PAK-21 perlu lihat keupayaan pelajar, kita cuba ambil contoh aktiviti pembentangan juga kan boleh dipelbagaikan dengan lakonan dan sebagainya (PK5/APAKI/462-464).*

PK7: *...saya biasanya saya selitkan dengan aktiviti PAK-21 sebab diakhirnya saya nak bentuk produk contoh lukis animasi kartun, buku skrap dan sebagainya (PK7/APAKI/476-479).*

Selain itu, terdapat empat informan kajian berikut telah mewujudkan aktiviti berkumpulan dengan melibatkan keplebagaian aras murid. Langkah ini bertujuan untuk mengaktifkan murid berinteraksi antara satu sama lain. Perkara ini dapat diterangkan menerusi verbatim berikut:

PK2: *Dari segi aktiviti mesti selaras dengan KSSM, kita boleh lakukan aktiviti secara berkumpulan...aktiviti berpasangan memang antara yang paling bagus ialah lakonanlah, lakon ni tidak perlu lama haaa contoh babak tu sedih, mungkin dalam satu minit sudah cukup untuk menggambarkan watak tersebut(PK2/APAKI/468-472).*

PK7: **Aktiviti berkumpul juga penting untuk pastikan mereka interaksi** nampak baik dan sempurna ja mereka beraktiviti kan, ini yang kita nak dalam KSSM (PK7/APAKI/483-485).

Di samping itu, terdapat empat informan kajian berikut menegaskan bahawa aktiviti perancangan harus membentuk keseronokan murid untuk belajar di samping memotivasikan mereka. Perkara ini dapat diterangkan menerusi verbatim berikut:

PK2: Perancangan aktiviti kan **mestilah ada bentuk permainan buat murid seronok**, baru boleh ubah minda murid untuk suka dengan komsas ini, saya suka buat permainan bola beracun ke waktu komsas, pasang muzik mereka seronok cikgu(PK2/APAKI/481-484).


PK6: perancangan aktiviti ini mesti menghiburkan murid lah, **kita boleh rancangan game dalam pembelajaran...**ini kan game yang boleh kita selitkan contoh kita gunakan Kahoot dalam aktiviti pengajaran kita. Murid suka bila kita buat aktiviti dengan elektronik (PK6/APAKI/500-503).

PK7: ...kalau kita kreatif lagi, **kita boleh wujudkan permainan** secara berkumpul contoh permainan plickers jadi mereka dapat ukur kemampuan mereka tu dalam selesaikan masalah pembelajaran komsas (PK7/APAKI/492-494).

Secara rumusan dapat disimpulkan bahawa amalan pengajaran Komsas PK berkaitan perancangan aktiviti yang melibatkan karya sastera seharusnya digarapkan dengan aktiviti pembelajaran abad 21, memaksimumkan interaksi murid dan kegembiraan murid untuk mempelajari karya sastera.

Bahan Bantu Pengajaran Karya Sastera

Kesesuaian tempat pengajaran karya sastera menjadi perkara penting untuk pengajaran komsas. Selain itu, keupayaan pelajar perlu dianalisis oleh guru agar mereka tidak tercicir dalam pengajaran. Seterusnya ciri-ciri sesuatu bahan harus ditekankan oleh guru. Perkara ini dirumuskan menerusi Rajah 3 di bawah:



Rajah 3: Bahan bantu pengajaran karya sastera

Enam informan berikut menetapkan bahan bantu pengajaran dengan menekankan kesesuaian tempat dalam menyampaikan kandungan karya sastera. Perkara ini dapat diterangkan menerusi verbatim berikut:

PK1: ...bahan bantu mengajar ini sangat penting dan **haruslah kita sesuaikan dengan tempat, keadaan dan ruang nya juga**. Macam kita di kelas, penggunaan ICT agak terhad jadi kita kena rancang betul-betul supaya BBM dapat digunakan. Jangan kita hanya buku teks, itu sebenarnya yang membunuh minat murid pada komsas (PK1/APBBM/523-526).

PK2: Penggunaan alat bantu ini lah membantu seperti LCD itu sendiri menjadi satu kemestian dan memang perlu rancang dengan sebaiknya, tetapi kita juga la **kena lihat dari segi kesesuaian tempat**, macam saya suka buat di dewan sebab ruang luas dan PA system pun ada seronok tengok murid berlakon (PK2/APBBM/493-495).

PK6: Penyediaan alat bantu mengajar amat penting juga dan **perlu sesuaikan dengan tempat** PdP komsas tu...kita tahu infrastruktur kita tak lengkap lagi, jadi kita kena bijak rancang alat BBM ni (PK6/APBBM/509-511).

Seterusnya empat informan kajian berikut melaksanakan perancangan bahan bantu pengajaran berdasarkan kemampuan murid mereka. Perkara ini dapat diterangkan menerusi verbatim berikut:

PK2: gambar-gambar kita paparkan contohnya dalam watak ibu, kita tunjuk gambar ibu, haaa mereka lebih terkesan dengan alat-alat bantu yang baik seperti gambar, LCD PowerPoint, lagu rakaman suara, audio sangat membantu dan **saya yakin keupayaan mereka juga mampu diserlahkan**. Jadi BBM perlu juga untuk kita rancang sebaiknya (PK2/APBBM/497-499).

PK4: ...persediaan awal guru dalam menggunakan BBM kena ditekankan juga supaya **kita dapat bangunkan keupayaan murid** dengan mudah bila guna BBM kita kan (PK4/APBBM/488-491).

PK6: Saya perlu pilih pelbagai media dalam sesi pengajaran bagi mencapai objektif pembelajaran tu... ni yang ditentukan supaya **dapat meningkatkan keupayaan pelajar** terhadap isi kandungan yang disampaikan (PK6/APBBM/514-518).

Selanjutnya, lima informan kajian berikut penetapan bahan bantu pengajaran mestilah berasaskan ciri bahanyang dipilih untuk disesuaikan dengan karya sastera. Perkara ini dapat diterangkan menerusi verbatim berikut:

PK2: Kadang kala **sifat BBM itu sendiri lah** kita kena faham juga untuk mengajar komsas...kenapa saya suka memilih gambar? sebab murid akan mudah tertarik dengan gambar, warna gambar tu ilustrasi gambar yang warna warni malah penghayatan mereka juga akan tinggi(PK2/APBBM/504-506).

PK5: Dalam merancang BBM juga **kita perlu mengenali jenis BBM** itu, jangan kita guna bahan yang kita sendiri tak pandai guna nanti jadi badot cikgu. Contoh penggunaan aplikasi-aplikasi terkini, kita sendiri perlu mahir menggunakannya (PK5/APBBM/484-486).

PK7: *Perancangan BBM ini penting dan kita mesti buat seblum melaksanakan PdP komsas...terutamanya **jenis bahan yang hendak digunakan** sama ada teknologi ke?, media bercetak ke?, bahan terbuang ke? (PK7/APBBM/510-514).*

Sementelah itu, tiga informan berikut melaksanakan pemilihan bahan bantu pengajaran dengan memastikan murid mampu menggunakan bahan tersebut demi kejayaan untuk meneroka isi pelajaran. Perkara ini dapat diterangkan menerusi verbatim berikut:


PK1: *Penggunaan BBM juga kena **memudahkan kita sebagai guru dan murid sebagai pengguna kan**, kalau kita pilih bahan yang kadang-kadang susah guna pun akan menjejaskan sesi pengajaran komsas kita...contoh guna audio di Internet, kalau capaian Internet kurang akan terganggu...cikgu kena download siap-siap tinggal play jer pada hari kejadian (PK1/APBBM/543-545).*

PK7: *BBM itu seharusnya mampu **memudahkan pengguna** itu sendiri yakni murid kita...haa BBM kita tidak memudahkan murid maka gagallah PdP kita...contohnya papar slide tetapi ada pelajar yang tidak nampak, ini gagal kita merancang. Jadi kena hati-hati juga merancang BBM ni (PK7/APBBM/518-521).*

Secara rumusan dapat disimpulkan bahawa amalan pengajaran Komsas informan kajian harus menakankan aspek berikut dalam sesebuah perancangan untuk memastikan karya sastera berupaya disampaikan dengan efektif terhadap murid.

Pentaksiran Pengajaran berteraskan Karya Sastera

Kaedah pentaksiran perlu ditetapkan dengan sebaik mungkin sebelum melaksanakan pengajaran karya sastera. Penetapan kaedah pentaksiran seperti yang dipaparkan seperti dalam Rajah 4 di bawah:



Rajah 4: Penetapan kaedah pentaksiran karya sastera

Ketujuh-tujuh orang informan kajian membuat perancangan terhadap pentaksiran berdasarkan kaedah pencerapan terhadap murid ketika melaksana aktiviti. Perkara ini dapat diterangkan menerusi verbatim berikut:

PK1: *...kaedah **pentaksiran secara pemerhatian kan**...saya rancang ketika mereka buat aktiviti. Saya nak mereka jaya aktiviti tu..belajar karya sastera tu (PK1APP/551-553).*

PK3: *Memang penting pentaksiran ini, macam saya lebih memberi **penekanan waktu rancang itu kaedah pemerhatian** kepada murid lah. Kita perlu rancang dari awal hingga akhir PdP komsas supaya pembangunan murid dapat dibangunkan (PK3/APP/528-531).*

PK7: *Setiap PdP komsas itu kita kena ada alat pengukuran atau pentaksiran...kita kena rancang dengan baik...kita akan tahu keberkesanan PdP kita. Kalau nak rancang **pentaksiran secara pemerhatian** jadi kita akan guna kaedah yang macam mana lah nak perhati dan yang diperhatikan itu persediaan awal kita lah (PK7/APP/528-530).*

Selain itu, terdapat empat informan kajian melaksanakan perancangan dalam melaksanakan pentaksiran secara bertulis. Perkara ini dapat diterangkan menerusi verbatim berikut:

PK2: *Perancangan saya kebiasaanya bergantung kepada objektif pengajaran saya contoh saya nak ajar kemahiran menulis, jadi kaedah **pentaksiran saya juga akan menggunakan secara penulisan**...sediakan rubrik khas untuk menilai karya murid (PK2/APP/518-521).*

PK5: ***Kalau pentaksiran secara tulisan** tu selalunya saya lihat hasil kerja atau jawapan-jawapan yang mereka tulislah penting sangatkan (PK5/APP/513-516).*

PK6: *...kita ketahui kan kejayaan PdP kaedah pentaskiran tak boleh diabaikan. Jadi kena rancang dari awal... macam saya nak guna **pentaksiran secara bertulis** terhadap jawapan murid...Secara tak langsung pelajar dapat menjawab secara bertulis dan cikgu ada bukti bertulis(PK6/APP/532-535).*

Sementelah itu, terdapat empat informan kajian merancang pentaksiran secara lisan. Perkara ini dapat diterangkan menerusi verbatim berikut:

PK1: *Penyediaan soalan juga penting dan perlu rancang sebaiknya untuk murid dan selalunya saya akan pastikan melalui **pertanyaan secara lisan** supaya dapat terus daripada murid juga kan(PK1/APP/563-566).*

PK4: *..mesti gunakan **pentaksiran secara lisan**. Bagi saya la kan, jadi yang dirancang mestilah kaedahnya supaya berkesan dalam pengajaran kita nanti (PK4/APP/516-519).*

PK7: *Macam **kita boleh guna secara lisan**... ini pun popular lah jadi kita sediakan soalan-soalan yang boleh mengasak mereka untuk berikan jawapan yang KBATnya tinggi dalam komsas kan (PK7/APP/536-539).*

Secara rumusan dapat disimpulkan bahawa amalan pengajaran komsas informan kajian berkaitan dengan perancangan untuk sesebuah pentaksiran melibatkan subtema pemerhatian, bertulis dan lisan bagi menentukan kejayaan dalam PdPc melibatkan karya sastera.

Perbincangan Aspek Perancang dalam menjayakan PdPc Karya Sastera

Penemuan penting kajian ini mendapati bahawa Informan kajian telah membuat perancangan sebelum melaksanakan PdPc yang melibatkan penyampaian karya sastera. Mereka telah melaksanakan perkara asas dalam sesebuah perancangan sebelum melaksanakan pengajaran karya sastera. Bahkan, penentuan tema, SP, dan SK juga direkodkan terlebih dahulu dalam dokumen Rancangan Pengajaran Harian sebagai asas perancangan pengajaran. Perancangan ini perlu diberi perhatian untuk melancarkan penyampaian kandungan bahan sastera. Kehilangan

fokus terhadap ilmu yang ingin disampaikan kepada murid mampu dicatatkan dalam Rancangan Pengajaran Harian (Esah, 2004). Informan kajian juga turut menetapkan tema, SK dan SP serta OP untuk membentuk hala tuju pengajaran karya sastera. Perkara ini penting untuk murid menguasai kemahiran bahasa Melayu dan dapat ditentukan dengan berkesan. Kementerian Pendidikan Malaysia (2017a; 2018) turut menekankan kepada guru agar membuat perancangan dengan menetapkan aspek berikut sebelum melaksanakan PdPc melibatkan karya sastera.

Dokumen Standard Kualiti Guru malaysia menetapkan kejayaan guru menyampaikan kandungan pelajaran adalah berasarkan dengan perancangan aktiviti yang tertumpu kepada murid melaksanakan aktiviti kolaboratif (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2017a; 2018). Dalam kajian ini, pengkaji menadapat informan kajian menyusun perancangan aktiviti berteraskan murid sebagai pembelajar aktif untuk menyambut baik dalam pengajaran abad 21. Abdul Mutalip, (2020) berpendapat aktiviti ini mewujudkan murid untuk berkerjasama antara mereka. Aktiviti seumpama ini mampu membangunkan murid yang kompetitif dalam sesebuah pengajaran yang efektif. Konsep permainan turut wujud dalam menterjemahkan karya sastera agar selari dengan minat murid. Selain itu, informan kajian telah menyediakan bahan bantu pengajaran yang sesuai dengan karya sastera yang disampaikan kepada murid. Hal ini selari dengan Lambri dan Mahamod (2019) yang mendapati kepelbagaian bahan bantu pengajaran telah berjaya mewujudkan semangat kerjasama murid untuk beraktiviti. Bahan ini membantu untuk mewujudkan kerjasama antara murid dalam menterjemahkan karya sastera di samping membangunkan kemahiran bahasa murid. Oleh itu, perancangan yang teliti ini akan membantu mewujudkan murid terampil dari segi bahasa dengan menggunakan bahan sastera bagi mengembangkan kemahiran bahasa mereka.

Chong (2018) berpendapat penggunaan bahan bantu pengajaran mampu memotivasikan murid dalam pengajaran Bahasa melayu oleh guru cemerlang. Langkah ini perlu dipatuhi dengan perancangan terhadap pemilihan alat bantu pengajaran yang bersesuaian dan sifat sesuatu bahan pengajaran dengan menekankan ciri karya sastera yang dipilih. Tambahan pula, informan kajian ini juga turut mendapati kemudahan yang kurang lengkap memerlukan perancangan terhadap penetapan bahan bantu pengajaran dengan menekankan kesesuaian tempat. Mahamod (2016) mendapati bahawa penggunaan bahan bantu pengajaran yang sesuai dengan sifat akan memastikan kejayaan dalam PdP bahasa Melayu yang semakin mencabar ini. Kaedah pentaksiran dalam sesebuah pengajaran perlu dirancang dengan efektif terlebih dahulu. Pentaksiran ini untuk mengukur keupayaan murid menguasai isi pengajaran yang ingin disampaikan. Dalam kajian ini, informan kajian telah membuat perancangan yang teliti untuk mengukur kejayaan murid menguasai karya sastera yang diajar. Mahamod (2016); Nor dan Mahamod, (2016); Chong (2018) dalam kajiannya turut menekankan aspek perancangan sebelum melaksanakan pentaksiran dalam mengukur kejayaan menerusi pemerhatian, lisan dan bertulis secara formatif.

Kesimpulannya, kajian ini selaras dengan model perancangan yang diasaskan oleh Danielson (2007) yang memerlukan guru untuk membuat perancangan yang berkesan untuk memastikan PdP yang berkesan. Keberkesanan pengajaran guru penting untuk memastikan matlamat pengajaran Bahasa Melayu tercapai untuk membangunkan murid yang terampil dari segi bahasa dengan menggunakan karya sastera (Nadzri, 2017). Kesemua aspek perancangan ini perlu diberi perhatian oleh guru untuk memastikan karya sastera dapat disampaikan dengan sebaik mungkin kepada murid.

KESIMPULAN

Aspek perancangan sebelum melaksanakan PdPc penting untuk memastikan kejayaan dalam penyampaian karya sastera oleh Guru Cemerlang Bahasa Melayu. Hal ini bertujuan untuk memastikan sesi PdPc berteraskan murid

sebagai pembelajar aktif mampu diwujudkan secara holistik dan dinamik. Langkah juga akan menghakis sesi pengajaran secara tradisional dalam menyampaikan karya sastera terhadap murid yang memerlukan nafas baharu. Sesi pengajaran ini akan memaksimumkan pembelajaran murid selari dengan situasi pembelajaran masa ini yang menekankan kepada pembelajaran abad ke-21.

Selari dengan matlamat kajian ini iaitu penerokaan terhadap perancangan pengajaran karya sastera dalam pembelajaran kemahiran Bahasa Melayu, pengkaji telah mengaplikasikan kaedah kualitatif dengan pendekatan fenomenologi dengan menumpukan kepada proses temu bual secara mendalam terhadap informan kajian yang dipilih berdasarkan kriteria yang telah ditentukan. Untuk mengembangkan lagi kerangka ilmu ini, sarjana akan datang dicadangkan untuk mempelbagaikan pemerolehan sumber data dari segi pemerhatian dan analisis dokumen dan juga mengaplikasikan kaedah gabungan atau kuantitatif untuk memperbanyak responden kajian.

Hal ini dikatakan demikian kerana kajian ini mempuyai batasan kajian dengan menumpukan kepada satu sumber data dan tujuh orang peserta kajian yang dipilih secara bertujuan. Bagi mengembangkan skop kajian ini, sarjana akan datang disaran untuk mengambil kira pandangan murid, pihak pengurusan sekolah dan warga sekolah bagi menyokong dapatan kajian. Oleh itu, dapatan kajian ini secara kesluruhan dapat dijadikan garis panduan kepada guru Bahasa Melayu untuk melaksanakan PdPc yang melibatkan penyampaian karya sastera untuk membangunkan kemahiran bahasa murid.

RUJUKAN

- Bogdan, R. C., & Biklen, S. K. (1998). *Qualitative research of education: An introduction to theory and method (3rd edition)*. Boston: Allyn & Bacon.
- Chong, O. S. (2018). *Ciri guru cemerlang Bahasa Melayu sekolah menengah kebangsaan di negeri Sarawak* (Doctoral dissertation, UKM, Bangi).
- Chong, O. S., Mahamod, Z., & Hamzah, M. I. M. (2017). Meneroka kaedah pengajaran guru cemerlang Bahasa Melayu Negeri Sarawak: Satu kajian kes (Exploring teaching methods of Sarawak Malay language excellent teacher: A case study). *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 7(1), 93-108.
- Creswell, J.W. (2013). *Research design Qualitative and Quantitative Approaches (2nd ed.)* Thousand Oak, CA: Sage Publication.
- Danielson, C. (2007). Enhancing professional practice: A framework for teaching.. Alexandria, VA: Association for Supervision and Curriculum Development. Darling-Hammond, L.(2000) Teacher Quality and Student Achievement: A Review of State Policy Evidence. *Educational Policy Analysis Archives*, 8(1), 1161-1176.
- Esah, S. (2004). Pengenalan pedagogi. *Johor: Penerbit Universiti Teknologi Malaysia*.
- Ettikan, K., Abdullah, N. S. M., & Manaf, U. K. A. (2015). Guru cemerlang pendidikan moral: keperluan menguasai aspek kandungan dalam pengajaran dan pembelajaran pendidikan moral dan implikasinya. *International Journal of Education and Training(InjET)*, 1(2), 1-8.
- Harun, M. A., & Hamid, Z. (2014). Penerapan komunikatif dalam pengajaran bahasa Melayu: Kajian kes guru cemerlang. *Jurnal Melayu*, 13(1), 18-28.

- Isa, N. S. M., & Mahamod, Z. (2021). Tahap pengetahuan, sikap dan masalah guru bahasa melayu terhadap penerapan kemahiran berfikir aras tinggi dalam pengajaran dan pembelajaran komsas. *Asian People Journal (APJ)*, 4(1), 93-107.
- Jamian, A. R. (2023). Penggunaan Bahan Komponen Sastera Dalam Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa Melayu. *Rumpun Jurnal Persuratan Melayu*, 11(1), 89-99.
- Jasmi, K. A. (2010). Guru cemerlang pendidikan Islam sekolah menengah di Malaysia: satu kajian kes (Doctoral dissertation, Universiti Kebangsaan Malaysia).
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2017a). *Pelan hala tuju pendidikan bahasa Melayu 2016-2025*. Putrajaya.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2018). *Dokumen Standard Kurikulum Pendidikan Bahasa Melayu Tingkatan 4 dan 5*. Putrajaya
- Lambri, A., & Mahamood, Z. (2019). Penggunaan alat bantu mengajar dalam pengajaran bahasa Melayu menggunakan pendekatan pembelajaran berpusatkan pelajar. *International Journal of Education, Psychology and Counseling*, 4(33), 78-94.
- Mahamod, Z. (2016). Perancangan bahasa: Implikasinya terhadap PdP Bahasa Melayu. Bangi: Penerbitan Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Miles, M. B., & Huberman, A. M. (1994). *Qualitative data analysis: An expanded sourcebook (2nd edition)*. Thousand Oaks, CA: Sage Publications.
- Muttalip, D. A. A. (2020). Pelaksanaan Pendekatan Pengajaran Terbeza Dalam Kalangan Guru Bahasa Melayu Yang Mengajar Di Sekolah Rendah Pedalaman Kategori 3. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 10(2), 29-42.
- Nadzri, N. F. (2017). *Kualiti amalan guru dalam pengajaran dan pembelajaran bahasa Melayu di MRSM* (Doctoral dissertation, Universiti Pendidikan Sultan Idris).
- Nor, M. A., & Mahamod, Z. (2016). *Pengetahuan pedagogi kandungan guru bahasa Iban*. Bangi: Penerbitan Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Rahim, Tajul, A. A. (2013). *Peranan guru cemerlang dalam meningkatkan kompetensi guru lain dan prestasi akademik sekolah rendah daerah Kota Tinggi* (Doctoral dissertation, Universiti Teknologi Malaysia).
- Said, R. R., & Jamian, A. R. (2012). Amalan pengajaran karangan guru cemerlang di dalam bilik darjah: kajian satu kes pelbagai lokasi. *Journal of Educators & Education/Jurnal Pendidik dan Pendidikan*, 27, 51-68.